

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkan Perdana Menteri mempraktikkan slogan "Keluarga Malaysia" kerana terlalu banyak agenda Ketuanan Melayu dan agenda institusi Bumiputera yang akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, kerana kebanyakan bukan Bumiputera tidak merasai keikhlasan YAB Perdana Menteri mengenai slogan tersebut.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021 adalah untuk menjamin keutuhan negara melalui penerapan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.
2. Slogan Keluarga Malaysia bermatlamat untuk memenuhi aspirasi Keluarga Malaysia bagi memastikan 3 nilai utama iaitu:
 - a) Inklusiviti;

- b) Kebersamaan; dan
- c) Kesyukuran.

Tiga nilai ini menjadi asas utama dalam setiap perancangan dan pelaksanaan program/projek oleh setiap Kementerian/Jabatan dan Agensi.

3. Nilai-nilai utama dalam konsep Keluarga Malaysia ini turut menjadi teras menjayakan perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) kali ini yang bertemakan “Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif dan Mampan”. Pelan strategik lima tahun yang dirangka ini mengambilkira kepentingan semua lapisan bangsa, umur dan kaum.

4. Disamping memperkasakan agenda Bumiputera, RMKe-12 dirangka tanpa meminggirkan sama sekali kepentingan kaum-kaum lain. Sebagai sebuah Keluarga Malaysia, Kerajaan merancang dan melaksanakan pelbagai program/projek bagi memastikan mereka yang masih memerlukan perhatian diberi bantuan yang sewajarnya.

5. Justeru, Keluarga Malaysia disifatkan lebih inklusif kerana konsep ini merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta mengetepikan apa jua perbezaan dalam setiap perancangan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.